



The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1997



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Bibi Aminah Abdul Ghani. (1997). Sumbangan Budaya Minoriti Dalam Pembangunan Masyarakat Melayu: Miriek. The Sarawak Museum Journal, XLVII (68): 255-263

SUMBANGAN BUDAYA MINORITI DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU: MIRIEK

Bibi Aminah bt. Abdul Ghani

INTRODUCTION

Untuk memudahkan perbincangan mengenai sumbangan budaya masyarakat minoriti dalam suatu masyarakat yang lebih besar, kita terlebih dahulu perlu meneliti serba-sedikit sejarah dan latar belakang masyarakat yang terlibat. Dalam konteks kertas kerja ini, masyarakat yang terlibat adalah masyarakat Melayu dan Miriek. Namun, adalah di luar keupayaan kertas kerja ini untuk menyingkap sejarah budaya Melayu dan budaya Miriek secara terperinci. Tambahan pula, telah banyak kajian dilakukan yang memberi tumpuan kepada masyarakat Melayu, antara lainnya ialah kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Melayu I yang lepas (Zainal Kling, 1989; Raslie Saharan, 1989; Salbiah Mohd. Painah, 1989; Latifah Hj. Shebli, 1989; Sanib Said, 1989; Madzhi Hj. Johari, 1989; Sulaiman Hj. Ebi dan Johari Bojeng, 1989; Abdul Halim Nasir, 1989 dan Hamdan Hj. Yusopp, 1989). Justeru itu, dalam kertas kerja ini, saya hanya akan membincangkan sejarah budaya masyarakat Miriek. Perlu ditekankan di sini, perbincangan hanya merujuk kepada masyarakat Miriek jati.

SUMBANGAN BUDAYA MINORITI DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU: MIRIEK

oleh

Bibi Aminah bt. Abdul Ghani

PENGENALAN

Untuk memudahkan perbincangan mengenai sumbangan budaya masyarakat minoriti dalam suatu masyarakat yang lebih besar, kita terlebih dahulu perlu meneliti serba-sedikit sejarah dan latar belakang masyarakat yang terlibat. Dalam konteks kertas kerja ini, masyarakat yang terlibat adalah masyarakat Melayu dan Miriek. Namun, adalah di luar keupayaan kertas kerja ini untuk menyingkap sejarah budaya Melayu dan budaya Miriek secara terperinci. Tambahan pula, telah banyak kajian dilakukan yang memberi tumpuan kepada masyarakat Melayu, antara lainnya ialah kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Melayu I yang lepas (Zainal Kling, 1989; Raslie Saharan, 1989; Salbiah Mohd. Painah, 1989; Latifah Hj. Shebli, 1989; Sanib Said, 1989; Madzhi Hj. Johari, 1989; Sulaiman Hj. Ebi dan Johari Bojeng, 1989; Abdul Halim Nasir, 1989 dan Hamdan Hj. Yusopp, 1989). Justeru itu, dalam kertas kerja ini, saya hanya akan membincangkan sejarah budaya masyarakat Miriek. Perlu ditekankan di sini, perbincangan hanya merujuk kepada masyarakat Miriek jati.

Sebelum itu, kita perlu juga memperjelaskan konsep budaya agar tidak menimbulkan kekeliruan pengertiannya. Ada di kalangan kita yang beranggapan bahawa 'budaya' sekadar merujuk kepada kegiatan berbentuk seni seperti tarian-tarian, drama dan muzik. Anggapan sedemikian adalah terlalu sempit. Medan makna 'budaya' merangkumi ruang lingkup yang lebih luas. Budaya adalah satu cara hidup yang menyeluruh yang melibatkan tamadun, peradaban, norma masyarakat (kelakuan dan pemikiran). YB Datuk Alfred Jabu (1989) dalam ucapan dasarnya mengenai "The Cultures of Sarawak: an overview" pada Seminar Budaya Sarawak yang lepas antara lain menyatakan konsep 'budaya' membawa pengertian keseluruhan cara hidup sekumpulan masyarakat iaitu cara pemikiran dan perlakuan mereka. Budaya merupakan sebahagian daripada persekitaran yang ditentukan oleh masyarakat bukan persekitaran yang semulajadi. Ada 3 aspek budaya iaitu, aspek material (teknologi) – seperti alatan pertanian dan sumpit; aspek sosial – seperti perlakuan, tatasusila, adat budaya berinteraksi dalam sekumpulan masyarakat; dan aspek mental – pengetahuan, kepercayaan, harkat nilai hidup simbolisme/ perlambangan.